



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2021/2022**

NAMA KURSUS : FALSAFAH DAN ETIKA
PROFESIONAL DALAM
PENDIDIKAN

KOD KURSUS : PBD 10104

KOD PROGRAM : PBD

TARIKH : JANUARI / FEBRUARI 2022

TEMPOH : 3 JAM

ARAHAN : 1. JAWAB SEMUA SOALAN
2. PEPERIKSAAN AKHIR INI
ADALAH SECARA ATAS
TALIAN DAN TUTUP BUKU

KERTAS SOALAN IN MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Peperiksaan Akhir Semester I
Falsafah dan Etika Profesional dalam Pendidikan
(PBD 10104) Sesi 2021/2022
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SULIT

- S1 (a) Bandingkan antara ilmu wahyu, ilmu aqli dan ilmu masyarakat dari segi asal usul dan peranannya dalam perkembangan tamadun manusia. (15 markah)
- (b) Falsafah Pendidikan Kebangsaan membawa implikasi tertentu kepada sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Huraikan implikasi-implikasi tersebut dari aspek:
- (i) Implikasi terhadap kurikulum PTV (4 markah)
 - (ii) Implikasi terhadap guru PTV (3 markah)
 - (iii) Implikasi terhadap institusi PTV (3 markah)
- S2 (a) Nyatakan secara ringkas **TIGA BELAS (13)** implikasi pendidikan hasil dari pewartaan Akta Pendidikan 1996. (13 markah)
- (b) Jelaskan peruntukan-peruntukan yang terdapat berkenaan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional dalam Akta Pendidikan 1996 (Bab 7 - Pendidikan Teknik dan Politeknik), iaitu meliputi:
- (i) Pendidikan teknik di sekolah menengah kebangsaan dan institusi pendidikan lain (3 markah)
 - (ii) Kerjasama dengan institusi lain dan organisasi perindustrian dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (3 markah)
 - (iii) Peruntukan tentang kursus pengajian berkenaan dengan ijazah yang diberikan oleh universiti, dan sebagainya (3 markah)
 - (iv) Kuasa untuk membuat peraturan berhubungan dengan politeknik (3 markah)

S3 Pembelajaran Abad ke 21, antara lain, menekankan kepentingan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar dan keperluan sekolah untuk menangani budaya negatif pelajar.

- (a) Huraikan maksud dan punca-punca berlakunya
- (i) pelajar melawan atau mencabar guru (6 markah)
 - (ii) kegiatan membuli sesama pelajar (6 markah)
- (b) Jelaskan langkah-langkah untuk mengatasi atau mengurangkan
- (i) kegemaran melepak oleh pelajar (6 markah)
 - (ii) vandalisme oleh pelajar (7 markah)

S4 (a) Etika profesion pendidik menuntut supaya pendidik sentiasa menjaga imej dan reputasi mereka, termasuk meningkatkan profesionalisme secara berterusan, khususnya pengetahuan dan kemahiran mereka, sesuai dengan perkembangan teknologi dan peredaran masa. Huraikan dengan ringkas **LIMA (5)** cara pendidik dapat meningkatkan tahap profesionalisme mereka melalui pembelajaran sepanjang hayat.

(10 markah)

(b) Salah satu isu etika dalam pembelajaran dalam talian (*online learning*) ialah isu penipuan oleh calon-calon peperiksaan. Huraikan bentuk-bentuk penipuan ini dan kaedah-kaedah untuk mengelak atau mengurangkannya.

(15 markah)

- SOALAN TAMAT -